

Kuasai ilmu lain fardu kifayah

KUALA LUMPUR, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihati umat Islam supaya menguasai semua bidang ilmu serta kemahiran canggih milik bangsa yang maju hari ini kerana ia boleh dijadikan fardu kifayah untuk membantu umat Islam yang lemah.

“Fikirkanlah apa hukumnya ke atas masyarakat Islam yang tidak menunaikan fardu kifayah. Ibadat untuk diri sendiri tidak akan menghapuskan dosa ini,” kata Perdana Menteri ketika merasmikan Kompleks Perdanasiswa Universiti Malaya (UM), di sini hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Pendidikan, Datuk Dr Sulaiman Daud; Naib Canselor UM, Dr Abdullah Sanusi Ahmad; dan Pengerusi Majlis UM, Tan Sri Basir Ismail.

Dr Mahathir berkata, disebabkan tidak ramai kalangan pelajar Islam yang berbakat, mereka harus dibahagikan di antara jurusan agama dan jurusan lain yang tidak kurang pentingnya kepada umat serta agama Islam sendiri.

“Insyallah, jika umat Islam kuat, adil dan disegani, keadaan di Bosnia dan Chechnya tidak akan berlaku seperti mana ia tidak berlaku pada zaman keagungan Islam.

“Fikirkanlah. Jangan jadikan apa yang saya katakan ini sebagai isu politik. Fikirkan betapa berdosa kita apabila saudara seagama kita menderita, kita tidak dapat berbuat apa-apa, selain mengutuk orang yang mendera mereka.

“Betapa terhinanya agama dan orang Islam apabila kumpulan tertentu antara kita mengganas, membunuh orang yang tidak berdosa semata-mata kerana mereka tidak mampu menjayakan perjuangan dengan cara biasa,” katanya.

Perdana Menteri berkata, umat Islam juga tidak kurang kecerdasan otak atau kecekapan bekerja serta berniaga. Tetapi jika mereka percaya hanya dengan mempelajari agama secara khusus barulah menerima ganjaran di akhirat dan dengan itu tidak ramai mempelajari bidang lain, umat Islam akan lemah.

LIHAT MUKA 2

Imbangi kepentingan dunia, akhirat

DARI MUKA 1

Menurut beliau, kerana tidak adanya petugas tertentu yang diperlukan untuk kesempurnaan dan keselamatan ummah, masyarakat Islam tidak menunaikan fardu kifayah.

Dr Mahathir berkata, walaupun anggota masyarakat yang mempunyai pengetahuan agama secara mendalam diperlukan, orang Islam turut perlu mengimbangi kepentingan dunia dan akhirat.

“Hari ini, disebabkan kurangnya pengetahuan dan kecekapan orang Islam dalam pelbagai ilmu dan kemahiran yang penting, mereka menjadi lemah. Untuk mempertahankan diri sendiri pun, mereka terpaksa bergantung kepada orang lain, yang kadang-kadang sebenarnya musuh,” katanya.

Perdana Menteri juga kesal kerana ada pelajar Islam yang menolak terus budaya bangsa dan kese-

nian halus sedangkan Islam menegaskan manusia dijadikan berbilang bangsa dan kaum supaya mereka dapat berkenalan dan berbaik-
baik.

Walaupun mengakui bahawa keasyikan keterlaluannya perlu dibendung, Dr Mahathir berkata pelajar Islam tidak boleh menolak terus seni dan budaya kerana banyak kesenian yang diperkenalkan oleh orang Islam pada zaman kegemilangan dahulu sudah luput kerana pandangan sempit terhadap bidang itu.

Beliau tidak mahu ada golongan yang menolak terus sesuatu budaya dan kesenian hanya kerana tidak bersetuju sebahagian kecil daripadanya.

“Lebih-lebih lagi janganlah kita menggunakan kekerasan terhadap kegiatan orang lain untuk memaksa mereka tunduk kepada pendirian kita,” katanya.